




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 157 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 36,231 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 248 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 34,038 orang. Sejumlah 1,544 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 597 orang di hospital dan 947 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 56 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 157 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 79 kes (50.3%) adalah berpuncu dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 50 kes (31.8%), saringan kluster-kluster sedia ada 17 kes (10.8%), dan 11 kes (7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,410 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 24.09%.

**B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) SELURUH NEGERI SABAH**

- 1 Sehingga 27 Disember 2020, sebanyak 36,074 kes positif COVID-19 telah direkodkan di seluruh Sabah.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan jumlah kes harian COVID-19 di negeri ini masih lagi tinggi dan menunjukkan peningkatan kes.
- 3 Atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju agar PKPB di seluruh Negeri Sabah dilanjutkan lagi bermula 1 Januari 2021 hingga 14 Januari 2021.

**C. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG DASAR BAHARU DAN KG DESA BAJAU LAHAD DATU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Dasar Baharu dan Kg Desa Bajau, Lahad Datu bermula 2 Disember 2020 yang kemudiannya dilanjutkan lagi dan dijadualkan tamat pada 29 Disember 2020.
- 2 Sehingga 15 Disember 2020, KKM telah melaksanakan sebanyak 2,174 ujian saringan. Sebanyak 274 kes Positif COVID-19 direkodkan di kedua-dua lokaliti ini iaitu 259 orang di Kg. Desa Bajau dan 15 orang di Kg. Dasar Baru.
- 3 Walau bagaimanapun, KKM mengesahkan baki kes positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti ini menunjukkan *tren* penurunan dan terkawal.
- 4 Atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kg Dasar Baharu dan Kg Desa Bajau, Lahad Datu pada 29 Disember 2020 (esok) seperti yang dijadualkan.

**D. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PAGINATAN DAN KG MARINGKAN RANAU**

- 1 MKN Sabah hari ini telah melaporkan situasi peningkatan kes positif COVID-19 di Kg. Paginatan dan Kg. Maringkan, Ranau. Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 529 ujian saringan dan sebanyak 89 kes positif COVID-19 telah direkodkan di kedua-dua lokaliti ini.
- 2 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Kerajaan hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg. Paginatan dan Kg. Maringkan, Ranau bermula 29 Disember 2020 sehingga 11 Januari 2021.
- 3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk di kedua-dua lokaliti ini yang melibatkan seramai 865 orang penduduk.
- 4 SOP PKPD di kedua-dua lokaliti tersebut adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini kecuali kelonggaran kepada kedai runcit di kawasan PKPD dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi sehingga 6.00 petang. Manakala pasar di kawasan PKPD juga dibenarkan beroperasi dua kali seminggu dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang.
- 5 Seorang wakil dari setiap rumah dibenarkan keluar daripada kawasan PKPD dengan kebenaran PDRM khusus untuk mengeluarkan wang dari mesin ATM/Bank dan membeli keperluan asas atau *non-food items*.

**E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **304,633** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **F. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala lima (5) buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 224 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## **G. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

#### **H. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis di tiga (3) Daerah iaitu Kinabatangan, Tawau dan Keningau.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 42 lokasi di lapan (8) daerah. Hebahen dibuat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
28 Disember 2020